UiTM NEWS HUB
Hab Berita Rasmi UiTM

SINERGI

31/07/2023 / SITI HAJAR ABD AZIZ, DR NUR SHAZANA ABDUL RANI, SITI NURSHAHIDAH SAIT ALLAM



Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia (MSIA) baru-baru ini mengintai peluang melebar sayap Pertubuhan mereka melalui kemahiran dan strategi media.

Menerusi sesi perbincangan maya selama dua jam antara Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media, Puan Siti Hajar Abd Aziz dan (MSIA) secara maya pada 28 Julai yang lalu, pertubuhan itu telah didedahkan dengan pengetahuan media dan strategi umum penembusan media sebagai potensi mengorak lebih jauh di dalam penyampaian mesej secara berkesan.



Sesi perbincangan "Media Strategi for Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)" bersama Presiden MSIA TPr Herlina Ab Aziz dan Timbalan Presiden Dr Bala G. Murugam turut dihadiri hampir keseluruhan exco Pertubuhan tersebut termasuk Exco dan Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi Strategik, Puan Sri Dr Jahara Yahaya, Setiausaha MSIA Profesor Dr. Abdul Rahim Abdul Samad, Exco dan Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan, Profesor Dr Mohd Shahwahid Haji. Othman.



Turut hadir ialah Exco-exco lain iaitu Chhoa Chik Peng, TPr Mohammed Shaari Mohammed Suhaimi and Lilian Tai Yee Chi.

Sesi tersebut berjaya membuka mata tentang kepentingan media dan keperluannya dalam membentuk mesej yang positif untuk meningkatkan kesedaran, mempengaruhi pandangan awam, dan melibatkan masyarakat di dalam pembangunan mapan negara ini.

Share Post Share

Tags: #mass comm #uitmmelaka #sinergibersama #kitauitmmelaka #mass comm melaka

BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN IQA-01 FAKULTI SAINS GUNAAN, UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN: KERANGKA NEGARA DAN HAK RAKYAT MALAYSIA

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

Towards Becoming A GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress